



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 12 MAC 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 12 Mac 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,042 kes** (302,662 kes kumulatif, 94.3%);
- Kes baharu : **1,575 kes** (320,939 kes kumulatif);
- Kes import : **7 kes** (1 warganegara; 6 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,568 kes** [1,269 warganegara (80.9%); 299 bukan warganegara (19.1%)];
- Kes aktif : **17,074 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **147 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **67 kes**; dan
- Kes kematian : **3 kes** (1,203 kes kumulatif, 0.37%; 2 warganegara; 1 bukan warganegara).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **751 kes (47.7 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **694 kes (92.4 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **173 kes (11.0 peratus)** dan Johor sebanyak **135 kes (8.6 peratus)**.

Sebanyak **69 kes (4.4 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster DTI Persiaran Wawasan (26 kes), Kluster Telok Mas (19 kes), Kluster Tembok Tapah (12 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (6 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (4 kes), dan Kluster Tembok Taiping (2 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan masing-masing satu (1) kes di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Sabah. Sebanyak dua (2) kes melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lapiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 12 Mac 2021:

- Jumlah kluster : **1,232 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **10 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **792 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Budiman, Kluster Jalan Harmonium, Kluster Batu 38, Kluster Taman Segar, Kluster Industri Bentong Sebelas, Kluster Jalan Pengkalan, Kluster Jalan Firma Tiga, Kluster Jalan Canggih, Kluster Tapak Bina Jalan Panah, dan Kluster Bintang Daily**);
- Jumlah kluster aktif : **440 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **60 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Lintang Bayan Lepas (26 kes), Kluster DTI Persiaran Wawasan (26 kes), dan Kluster Teknologi Emas (24 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **10 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan masing-masing lima (5) kluster berkaitan tempat kerja dan komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Industri Dua	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan Pelepas Dua	Johor	Tempat Kerja
3	Lintang Bayan Lepas	Pulau Pinang	Tempat Kerja
4	Jalan Laksamana	Perak	Tempat Kerja
5	Ladang Bukit	Terengganu	Tempat Kerja
6	Jalan Main Bazaar	Sarawak	Komuniti
7	Sena	Sarawak	Komuniti
8	Buloh Pasi	Sarawak	Komuniti
9	Jalan Tempua	Selangor	Komuniti
10	Jalan Kunci Air	Selangor	Komuniti

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 Mac 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 12 MAC 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	751	107,868
SABAH	57 (1)	53,793
JOHOR	135 (1)	38,864
WP KUALA LUMPUR	108 (5)	36,206
NEGERI SEMBILAN	32	16,675
PULAU PINANG	132	13,100
PERAK	44	12,169
SARAWAK	173	12,051
KEDAH	23	7,820
MELAKA	25	6,167
KELANTAN	43	5,279
PAHANG	4	3,932
TERENGGANU	16	3,358
WP LABUAN	3	2,268
WP PUTRAJAYA	4	1,098
PERLIS	25	291
JUMLAH KESELURUHAN	1,575 (7)	320,939

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 1,575 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 12 Mac 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 751 kes**

- 134 kes daripada kluster-kluster, termasuk 23 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Tempua, Kluster Jalan Industri Dua, dan Kluster Jalan Kunci Air;**
- 560 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 57 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 173 kes**

- 33 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Main Bazaar, Kluster Sena, dan Kluster Buloh Pasi;**
- 106 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 135 kes**

- 33 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Pelepas Dua**;
- 52 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 132 kes**

- 28 kes daripada kluster-kluster, termasuk 26 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lintang Bayan Lepas**;
- 53 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 51 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 108 kes**

- 15 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Laksamana**;
- 38 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Lima (5) kes import dari luar negara; dan
- 50 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 57 kes**

- Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 44 kes**
 - 37 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Laksamana**;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 43 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 32 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 25 kes**
 - 19 kes daripada kluster sedia ada; dan

- Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Perlis: 25 kes** daripada kluster sedia ada.
- **Kedah: 23 kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 16 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Ladang Bukit dan Kluster Jalan Laksamana**;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: Empat (4) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Dua (2) daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes**

- Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
- Dua (2) daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tiga (3) kes**

- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan tiga (3) kes kematian pada 12 Mac 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1201	173406	Sabah	Lelaki (WN)	69	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1202	296225	Selangor	Perempuan (WN)	69	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
1203	320410	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	59	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 10 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN TEMPUA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Hulu Selangor di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-312037) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Jalan Tempua 1A, Taman Bestari, Hulu Langat. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 21 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN INDUSTRI DUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Industri 2/1, Rawang. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 29 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN KUNCI AIR

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Gombak dan Hulu Selangor di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-301185) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Kunci Air, Simpang 3, Gombak. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 205 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN MAIN BAZAAR

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Sri Aman di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-304052) dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Mac 2021 hasil saringan pra pembedahan. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes berlaku iaitu di Jalan Main Bazaar, Kampung Hulu, Sri Aman. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 133 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER SENA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Miri dan Subis di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-293569) dilaporkan positif COVID-19 pada 25 Februari 2021 hasil

saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Lorong Sena 1A, Lutong, Miri. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 166 individu telah disaring, di mana **61 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER BULOH PASI

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Meradong di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-279775) dilaporkan positif COVID-19 pada 20 Februari 2021 hasil saringan pra pekerjaan. Nama kluster ini diambil sempena lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Sungai Buloh, Bintangor, Meradong. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 267 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN PELEPAS DUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 9 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah syarikat pembinaan yang tinggal di Jalan Pelepas 2/3, Tanjung Pelepas, Johor Bahru. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 50 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER LINTANG BAYAN LEPAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, dan Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 25 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Lintang Bayan Lepas 6, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Barat Daya. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 687 individu telah disaring, di mana **59 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER JALAN LAKSAMANA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Manjung dan Kuala Kangsar di Perak; daerah Lembah Pantai dan Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; daerah Kota Belud di Sabah; daerah Bachok di Kelantan; daerah Kuala Nerus di Terengganu; serta daerah Timur Laut di Pulau Pinang. Dua (2) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-305586 dan kes ke-305587) dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mac 2021 hasil saringan rentas negeri. Kes-kes dalam kluster ini mempunyai sejarah menghadiri latihan yang dijalankan dari 22 Februari 2021 sehingga 26 Februari 2021 di Manjung, Perak. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 59 individu telah disaring, di mana **23 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER LADANG BUKIT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Marang, Dungun, Kuala Terengganu, dan Kemaman di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-317710) dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat perlombongan yang terletak di Ladang Bukit Tengah, Kerteh, Kemaman. Sehingga 12 Mac 2021, sejumlah 157 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.